

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN MAS ERMIEYATI SAMSUDIN
KAWASAN : MASJID TANAH
TARIKH : 8.4.2014 (SELASA)
NO. SOALAN : 58

Y.B. PUAN MAS ERMIEYATI SAMSUDIN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimanakah pelaksanaan NAP 2014 ini dapat membantu meningkatkan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara seterusnya melonjakkan nilai sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), memandangkan industri automatif telah menyumbang kepada KDNK pada purata 3% hingga 4% setiap tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Industri automotif merupakan industri yang penting bagi Malaysia dengan sumbangan sebanyak 3.2 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2012. Adalah diunjurkan pada tahun 2020, sumbangan industri automotif tempatan kepada KDNK meningkat kepada 10 peratus di mana pengeluaran kenderaan dijangka meningkat kepada 1.35 juta unit. Dari segi guna tenaga pula, industri automotif dijangka mewujudkan sebanyak 150,000 peluang pekerjaan baharu menjelang tahun 2020.

Bagi memastikan pembangunan industri automotif tempatan yang mampan, Kerajaan di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 menggariskan pelbagai langkah untuk memastikan industri automotif negara lebih berdaya saing di dalam dan di luar negara.